



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 68
Bil. 27

31hb Disember 2015

*TAMBAHAN No. 5
ENAKMEN*

Enakmen-Enakmen yang berikut telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 23 November 2015 dan telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 23 Disember 2015 disiarkan untuk pengetahuan umum:

The following Enactments passed by the State Legislative Assembly of Perak Darul Ridzuan on 23 November 2015 and assented to by His Royal Highness the Sultan of Perak on 23 December 2015 are published for general information:

No.	Tajuk Ringkas/Short Title
Enakmen A35	Enakmen Perbekalan 2016
Enactment A35	Supply Enactment 2016
Enakmen A36	Enakmen Mineral (Perak) (Pindaan) 2015
Enactment A36	Mineral (Perak) (Amendment) Enactment 2015
Enakmen A37	Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 (Pindaan) 2015
Enactment A37	National Forestry Act 1984 (Adoption) 1985 (Amendment) Enactment 2015



UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

ENAKMEN A37

**ENAKMEN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984
(PEMAKAIAN) 1985 (PINDAAN) 2015**

Tarikh Perkenan Diraja 23 Disember 2015

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 31 Disember 2015

P N M B

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen A37

ENAKMEN AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 (PEMAKAIAN) 1985 (PINDAAN) 2015

BETA PERKENANKAN,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,
Sultan Perak

23 Disember 2015

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut :

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 (Pindaan) 2015.
- (2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pindaan seksyen 2

2. Enakmen Akta Perhutanan Negara 1984 (Pemakaian) 1985 [*Enakmen No. 3 tahun 1985*], yang disebut sebagai “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda —

- (a) dengan memasukkan selepas tafsiran “alat pengangkutan” tafsiran yang berikut :

““akuan” ertinya suatu penyataan atau laporan secara bertulis yang dibuat oleh pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau melalui ejennya yang menerangkan perihal tentang keseluruhan butiran hasil hutan mengikut

borang yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [PK.P.U 39 tahun 1989];’; dan

- (b) dengan memasukkan selepas tafsiran “ditetapkan” tafsiran yang berikut :

“‘ejen’ ertinya wakil atau mana-mana orang atau syarikat yang dilantik oleh pemegang lesen, lesen kecil atau lesen pemindah dan termasuklah mana-mana orang yang diambil kerja atau diupah oleh orang atau syarikat itu;’.

Pindaan tajuk Bab 2

3. Tajuk Bab 2, dalam Bahagian V Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Penandaan” perkataan “dan Perakuan”.

Penggantian seksyen 65

4. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 65 dengan seksyen yang berikut :

“65. (1) Melainkan jika ditetapkan selainnya, seorang pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau ejennya yang mengambil hasil hutan hendaklah menyebabkan supaya ditanda semua hasil hutan itu mengikut mana-mana kaedah-kaedah.

Pemegang
lesen, lesen
kecil, lesen
pemindah
atau
ejennya
hendaklah
menanda
dan
membuat
akuhan hasil
hutan.

(2) Pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau melalui ejennya yang mengambil hasil hutan hendaklah membuat akuan dalam borang yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Hutan 1988 [PK.P.U 39 tahun 1989], apa-apa hasil hutan yang dibawa atau berada di atas alat pengangkutannya untuk diserahkan kepada pegawai hutan di tempat penaksiran yang ditetapkan oleh Pengarah.

(3) Apa-apa hasil hutan yang tidak bertanda atau tidak dibuat akuan sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen (1) dan (2) hendaklah, sehingga ia dibuktikan sebaliknya disifatkan sebagai harta Pihak Berkuasa Negeri.

(4) Akuan yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2) hendaklah memberi suatu laporan yang penuh dan benar tentang jumlah dan perihal jenis, ukuran dan kuantiti hasil hutan yang diambil atau dibawa.

(5) Mana-mana pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau ejennya yang melanggar subseksyen (2) atau (4) adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(6) Mana-mana orang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (2) atau (4) boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan ke atas sabitan itu, diperintahkan membayar kepada Pihak Berkuasa Negeri —

- (a) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda royalti, premium dan ses hasil hutan itu;
- (b) sejumlah wang tidak melebihi sepuluh kali ganda nilai hasil hutan itu; dan
- (c) apa-apa caj lain yang kena dibayar.”.

Pindaan seksyen 66

5. Seksyen 66 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam tajuk Bab 3, dengan menggantikan perkataan “Pengukuran” dengan perkataan “Taksiran”;
- (b) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut :
“Tempat taksiran
hasil hutan”;
- (c) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:
“(1) Semua hasil hutan yang dibuat akuan di bawah subseksyen 65(2) hendaklah ditaksir oleh pegawai hutan

di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam lesen itu bagi menentukan royalti, premium, ses atau caj-caj lain yang kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri.”;

- (d) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “diukur” dengan perkataan “ditaksir”;
- (e) dalam subseksyen (3), dalam teks bahasa Kebangsaan dengan menggantikan perkataan “mengukur” dengan perkataan “taksiran”;
- (f) dalam perenggan 4(b) dan (c), dalam teks bahasa Kebangsaan dengan menggantikan perkataan “pengukuran” dengan perkataan “taksiran”; dan
- (g) dengan menggantikan perkataan “measurement” dalam teks bahasa Inggeris di mana-mana juga terdapat di dalamnya dengan perkataan “assessment”.

Pindaan seksyen 67

6. Seksyen 67 Enakmen ibu dipinda dalam nota birai dan subseksyen (1) dengan menggantikan perkataan “pengukuran” dengan perkataan “taksiran”.

Pindaan seksyen 101

7. Seksyen 101 Enakmen ibu dipinda —

- (a) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 15 atau 40,” perkataan “atau akuan hasil hutan di bawah seksyen 65;” dan
- (b) dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut :
 - “(4) Pada mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah subseksyen (1), apa-apa benda yang disita di bawah Enakmen ini boleh dilepaskan atau dilucuthakkan oleh Pengarah, tertakluk kepada terma dan syarat yang difikirkan sesuai untuk dikenakan mengikut syarat kompaun itu.”.

Pindaan seksyen 104

- 8.** Seksyen 104 Enakmen ibu dipinda —
- (a) dalam perenggan (d), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu;
 - (b) dalam perenggan (e), dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; dan”; dan
 - (c) dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut :
 - “(f) bahawa mana-mana pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau ejennya berkenaan dengan akuan hasil hutan yang dibuat di bawah subseksyen 65(2), adalah disifatkan telah membuat akuan yang penuh dan benar sepanjang pengetahuannya dan sekiranya terdapat apa-apa keraguan atau percanggahan yang berbangkit terhadap akuan tersebut, adalah merupakan suatu kesalahan dan beban pembuktian hendaklah terletak pada pemegang lesen, lesen kecil, lesen pemindah atau ejennya itu.”.

Pindaan Jadual Pertama

- 9.** Jadual Pertama Enakmen ibu dipinda dalam butiran 10 Borang 1 dengan menggantikan perkataan “diperiksa dan diukur” dengan perkataan “ditaksir”.

Bertarikh 30 Oktober 2015
[PPN. PK(S) 100/3/1 Jld. 2; PU.PK. 4/2015]

ROHANA ABD MALEK
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan*



LAWS OF THE STATE OF PERAK

ENACTMENT A37

**NATIONAL FORESTRY ACT 1984
(ADOPTION) 1985 (AMENDMENT)**

ENACTMENT 2015

Date of Royal Assent 23 December 2015

Date of publication in the *Gazette* 31 December 2015

P N M B

LAWS OF THE STATE OF PERAK**Enactment A37****NATIONAL FORESTRY ACT 1984 (ADOPTION) 1985
(AMENDMENT) ENACTMENT 2015**

I ASSENT,

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH,
Sultan of Perak

23 December 2015

An Enactment to amend the National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows :

Citation and commencement

1. (1) This enactment may be cited as the National Forestry Act 1984 (Adoption) 1985 (Amendment) Enactment 2015.

(2) This Enactment comes into operation on a date to be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.

Amendment of section 2

2. The National Forestry Act 1984 (Adoption) Enactment 1985 [*Enactment No. 3 of 1985*], which is referred to as “the principal Enactment” in this Enactment, is amended —

(a) by inserting after the definition of “conveyance” the following definition :

“declaration” means a written statement or report made by the holder of licence, minor licence, removal licence or by

his agent describing details about the entire forest produce in the prescribed form in the Forest Rules 1988 [*PK.P.U 39 of 1989*];’; and

- (b) by inserting before the definition of “assessment” the following definition :

““agent” means representative or any person or company appointed by the holder of licence, minor licence or removal licence and includes any person employed or hired by such person or company;’.

Amendment of Chapter 2

3. The title of Chapter 2, in Part V of the principal Enactment is amended by inserting after the word “Marking” the words “and Declaration”.

Substitution of section 65

4. The principal Enactment is amended by substituting for section 65 the following section :

“65. (1) Unless otherwise prescribed, the holder of licence, minor licence, removal licence or his agent who takes the forest produce shall cause to be marked all forest produce in accordance with any rules.

The holder of licence, minor licence, removal licence or his agent shall mark and make a declaration of forest produce.

(2) The holder of licence, minor licence, removal licence or by his agent who take the forest produce shall make a declaration in the prescribed form in the Forest Rules 1988 [*PK.P.U 39 of 1989*], any forest produce carried or located at the top of the conveyance for delivery to a forest officer at the place of assessment specified by the Director.

(3) Any forest produce not marked and declared as required by subsections (1) and (2) shall, until the contrary is proven, be deemed to be the property of the State Authority.

(4) The declaration provided under subsection (2) shall give a full and true statement about the

amount and about the type, size and quantity of forest produce taken or carried.

(5) Any holder of licence, minor licence, removal licence or his agent who contravenes subsection (2) or (4) shall be guilty of an offence and shall on conviction, be liable to a fine not exceeding fifty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

(6) Any person convicted of an offence under subsection (2) or (4) may, in addition to any penalty imposed on the conviction, be ordered to pay to the State Authority —

- (a) a sum not exceeding ten times the royalty, premium and cess of such forest produce;
- (b) a sum not exceeding ten times the value of such forest produce; and
- (c) any other charges payable.”.

Amendment of section 66

5. Section 66 of the principal Enactment is amended —

- (a) in the title of Chapter 3, by substituting for the word “Measurement” the word “Assessment”;
- (b) by substituting for the marginal note the following marginal note :
“Place of assessment
of forest produce.”;
- (c) by substituting for subsection (1) the following subsection :
“(1) All forest produce declared under subsection 65(2) shall be assessed by the forest officer at the place and time specified in the licence to determine the royalty, premium, cess or other charges payable to the State Authority.”;

- (d) in subsection (2), by substituting for the word “measured” the word “assessed”;
- (e) in subsection (3), in the National language text by substituting for the word “mengukur” the word “taksiran”;
- (f) in paragraphs 4(b) and (c), in the National language text by substituting for the word “pengukuran” the word “taksiran”; and
- (g) by substituting for the word “measurement” in the English language text wherever appearing therein the word “assessment”.

Amendment of section 67

6. Section 67 of the principal Enactment is amended in the marginal note and subsection (1) by substituting for the word “measurement” the word “assessment”.

Amendment of section 101

7. Section 101 of the principal Enactment is amended —

- (a) in subsection (3), by inserting after the words “section 15 or 40,” the words “or the declaration of forest produce under section 65,”; and

- (b) by substituting for subsection (4) the following subsection :

“(4) In compounding any offence under subsection (1), anything seized under this Enactment shall be released or forfeited by the Director, subject to terms and conditions as the Director thinks fit to impose in accordance with the condition of the compound.”.

Amendment of section 104

8. Section 104 of the principal Enactment is amended—
- (a) in paragraph (d), by deleting the word “and” at the end of the paragraph;
 - (b) in paragraph (e), by substituting for the full-stop at the end of the paragraph the words “; and”; and
 - (c) by inserting after paragraph (e) the following paragraph :
- “(f) that any holder of licence, minor licence, removal licence or his agent in respect of the declaration of forest produce made under subsection 65 (2), is deemed to have made a full and true declaration of all his knowledge and if there are any doubts or disputes arising against the declaration, is an offence and the burden of proof shall lie on the holder of licence, minor licence, removal licence or his agent.”.

Amendment of First Schedule

9. The First Schedule of the principal Enactment is amended in the item 10 of Form 1 by substituting for the words “check and measurement” the word “assessed”.

Dated 30 October 2015
[PPN. PK(S) 100/3/1 Jld. 2; PU.PK. 4/2015]

ROHANA ABD MALEK
State Legal Adviser
Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (*Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik*).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA